

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 2 FEBRUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6

Bajet 2023 tumpu atasi kos sara hidup, pekerjaan

Bajet 2023 tumpu atasi kos sara hidup, pekerjaan

Seremban: Kerajaan akan memberi tumpuan utama kepada usaha menangani isu kos sara hidup dan pekerjaan rakyat dalam Belanjawan 2023 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 24 Februari ini.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Ahmad Maslan, berkata aspek lain termasuk usaha memperkukuhkan kedudukan ekonomi, melaksanakan reformasi institusi, pengurusan bencana dan merapatkan jurang pembangunan antara wilayah.

Beliau berkata, Belanjawan 2023 akan bertemakan 'Membangun Malaysia MADANI' dengan berpandukan enam rukun iaitu kemampuan, kesejahteraan, daya cipta, nilai hormat, keyakinan dan ihsan.

"Kita tahu 2023 adalah tahun mencabar bukan sahaja dari sudut ekonomi yang mana pertumbuhan ekonomi dunia diunjur perlahan sekitar 2.7 peratus berbanding 3.2 peratus pada tahun lalu.

"Kehidupan rakyat juga ter-

himpit, terutama apabila negara baru sahaja bangkit daripada pasca pandemik COVID-19.

"Justeru, Belanjawan 2023 akan memberi tumpuan kepada isu utama, iaitu usaha menangani kos sara hidup dan pekerjaan rakyat serta memperkukuhkan ekonomi negara dan pelbagai aspek lain, termasuk pembangunan luar bandar," katanya ketika berucap pada Majlis Dialog Belanjawan 2023 Peringkat Negeri Sembilan di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Be-

sar, Datuk Seri Aminuddin Harun; Ahli EXCO kerajaan negeri dan Timbalan Setiausaha kerajaan negeri, Datuk Muhamad Nahr Mohd Sidek serta ketua jabatan Persekutuan dan negeri.

Sementara itu, mengulas input sesi dialog berkenaan, Ahmad berkata, Kementerian Kewangan (MOF) merancang menukarkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) diperbadankan di bawah MOF untuk melaksanakan projek pertanian moden di Negeri Sembilan.

Beliau berkata, ia bertujuan memastikan sekuriti makanan negara terjamin.

"Itu cadangan balas saya hasil dialog ini, iaitu melaksanakan projek pertanian moden di Negeri Sembilan.

"Kami ingin menugaskan GLC di bawah MOF yang mempunyai kewangan mencukupi melaksanakan projek pertanian moden ini dengan membangun tanah terbiar yang berkedudukan strategik bagi memastikan sekuriti makanan terjamin," katanya.